

KHUTBAH JUMAAT
Sempena Hari Belia Negara 2025
“BELIA BERTAQWA, NEGARA SEJAHTERA”
(23 Mei 2025M/ 25 Zulkaedah 1446H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Bersempena dengan Sambutan Hari Belia Negara pada tahun ini, maka khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: '*Belia Bertaqwa, Negara Sejahtera*'.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Al-Quran dan al-Hadis banyak memaparkan mengenai golongan muda yang mempunyai peranan yang penting sebagai penegak syariat Allah *subhanahu wata'ala* dan mengetuai pelbagai urusan kehidupan manusia. Antaranya ialah kisah *Ashabul Kahfi* iaitu sekumpulan pemuda yang menyelamatkan diri daripada penguasa

yang zalim demi memelihara akidah mereka. Allah *subhanahu wata'ala* memuji tindakan mereka melalui firman-Nya di dalam surah al-Kahfi, ayat 13:

نَحْنُ نَقْصٌ عَلَيْكَ نَبَأْهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فَتْيَةٌ عَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَرَدْنَاهُمْ هُدًى

Maksudnya: *Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; Sesungguhnya mereka itu orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk.*

Al-Quran juga merakamkan beberapa kisah keteguhan iman dan takwa para Nabi dan Rasul *alaihimussalam* dalam menghadapi ujian dunia. Antaranya kisah Nabi Yusuf *alaihissalam* yang teguh menjaga kehormatan dirinya dalam usia mudanya. Nabi Ibrahim *alaihissalam* pula berani menghancurkan berhala dalam melawan kesyirikan serta banyak lagi kisah lain yang patut diambil pengajaran. Selain itu, beberapa tokoh sahabat Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* wajar dijadikan contoh teladan seperti Zubair bin al-Awwam, Talhah bin Ubaidillah, Saad bin Abi Waqqas *radiallahu anhum ajma'in* dan ramai lagi generasi contoh dari kalangan orang muda.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Menurut data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2024, direkodkan seramai 27.9% daripada populasi di Malaysia adalah dalam kalangan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun. Angka ini bukan sekadar statistik tetapi

ia menggambarkan potensi besar yang dimiliki oleh anak muda sebagai pemangkin masa depan yang cemerlang untuk negara.

Sesungguhnya, generasi belia merupakan tonggak kepada pembangunan negara pada masa kini dan hadapan. Maka, golongan belia perlu memperkuatkan jati diri sebagai seorang muslim dan warganegara Malaysia yang unggul agar mampu berperanan untuk menjana pembangunan negara. Hari ini, dunia menyaksikan bagaimana negara yang berjaya ialah negara yang menanam nilai pada jiwa belianya dengan nilai iman, ilmu dan integriti.

Sebaliknya, jika belia lalai, maka masa depan akan merudum. Jika mereka hilang jati diri, maka lenyaplah identiti bangsa. Oleh itu, belia perlu bangkit bukan sekadar menjadi pengguna teknologi, tetapi menjadi pencipta tamadun. Mereka mesti menjadi golongan yang tidak hanya berani bersuara, tetapi berani bertindak dengan akhlak dan hikmah.

Kini bukan masanya untuk belia hanya mengikut arus, tetapi sudah tiba waktunya mereka menjadi arus. Menjadi barisan hadapan dalam mempertahankan agama, memacu ekonomi, memperjuangkan keadilan dan menegakkan nilai murni dalam masyarakat. Jika para sahabat Nabi *sallallahu alaihi wasallam* pada usia muda mampu menggoncang dunia dengan keimanan, mengapa tidak belia hari ini?

Mimbar ini menyeru, jadilah belia yang bukan sahaja cemerlang di pentas dunia, tetapi juga dirindui oleh langit kerana iman dan perjuangannya. Ayuh bangkit, wahai generasi harapan! Negara ini

menanti sentuhan tanganmu untuk membina masa depan yang penuh keberkatan.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Antara perkara yang penting diberi perhatian oleh semua pihak terutamanya para belia ialah:

Pertama: Menuntut ilmu.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa ilmu adalah asas utama setiap manusia bagi menempuh jalan kehidupan atas dunia ini. Tanpa ilmu, manusia tidak dapat membezakan antara yang hak dan yang batil. Dengan adanya ilmu, lantas manusia dapat bertindak menurut garis sempadan yang telah ditetapkan oleh syarak dan undang-undang negara. Para belia perlu memanfaatkan usia muda dengan bersungguh-sungguh menuntut ilmu pengetahuan dan beramal dengannya.

Kedua: Memelihara agama dengan bersungguh-sungguh.

Wajib bagi setiap muslim termasuk pemuda untuk memelihara pegangan agama dalam diri bagi memastikan kehidupan mereka tidak goyah dengan sebarang bentuk ujian dan godaan. Kemantapan agama dalam diri juga merupakan tanggungjawab utama dalam memelihara syiar agama Allah yang suci.

Ketiga: Memilih kawan yang benar.

Kesilapan memilih kawan menjadi punca kepada seseorang itu terjerumus ke lembah kebinasaan. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga memberikan panduan berbentuk perumpamaan

kepada para pemuda berkaitan kawan yang baik dan kawan yang buruk. Daripada Abu Musa al-Asy'ari *radiallahu anhu*, bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang maksudnya:

((*Perumpamaan kawan yang baik dan kawan yang buruk seperti pembawa minyak wangi dan tukang besi. Pembawa minyak wangi boleh jadi akan memberimu wangian atau kamu membeli wangian darinya atau kamu mendapatkan bau harum darinya. Sedangkan tukang besi boleh jadi akan membakar bajumu atau kamu mendapatkan bau yang tidak sedap darinya.*))

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

Kesilapan memilih kawan juga menyebabkan seseorang itu menjadi sangat menyesal di hari akhirat kelak. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Furqan ayat 28-29:

يَوْمَ لَيْتَنِي لَمْ أَتَخِذْ فُلَانًا خَلِيلًا (٢٨) لَقَدْ أَضَلَّنِي عَنِ الْذِكْرِ بَعْدَ إِذْ جَاءَنِي ۚ وَكَانَ الشَّيْطَنُ لِلنِّسَاءِ خُذُولًا (٢٩)

Maksudnya: "Wahai Tuhan, celakalah aku! Kalaulah dahulu aku tidak menjadikan si polan itu sebagai teman akrabku!" "Sesungguhnya dia telah menyesatkan aku daripada peringatan (al-Quran) setelah (al-Quran) itu disampaikan kepadaku. Dan syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia (yang menjadikannya sahabat karib).

Keempat: Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* mengingatkan supaya memperelokkan akhlak sesama manusia. Daripada Abi Dzar

radiallahu anhu katanya, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda kepadaku:

((اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَأَتْبِعِ السَّيِّئَةَ تَمْحُّهَا وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ))

((Bertakwalah kepada Allah di mana juga engkau berada. Dan ikutilah keburukan dengan kebaikan, nescaya kebaikan itu akan menghapusnya. Dan bergaullah sesama manusia dengan akhlak mulia.))

(*Hadis riwayat Imam al-Tirmizi*)

Pemeliharaan akhlak merangkumi akhlak seluruh anggota sama ada percakapan, penglihatan dan perbuatan. Emosi dalam fasa pemuda diketahui sebagai meluap-luap dan bergelora. Lidah misalnya, jika tidak dikawal dengan baik, akan mengeluarkan perkataan yang tidak elok dan seterusnya menyebabkan perselisihan dan kesan yang lebih buruk sama ada kepada diri mahupun kepada orang lain.

Pada penglihatan pula, pastinya memerlukan mujahadah dan kecekalan yang tinggi lebih-lebih lagi dalam zaman yang terdedah dengan fitnah dan ujian. Para pemuda sama ada lelaki dan wanita perlu menjaga pandangan mereka dan memelihara aurat dari menjadi bahan perhatian antara satu sama lain. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* katanya :

سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ الْجَنَّةَ.
فَقَالَ: ((تَقْوَى اللَّهِ وَحْسِنُ الْخُلُقِ)). وَسُئِلَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ
النَّارَ، فَقَالَ: ((الْفَمُ وَالْفَرْجُ))

Maksudnya: Nabi sallallahu alaihi wasallam pernah ditanya tentang perkara yang banyak menyebabkan manusia masuk ke dalam syurga. Baginda sallallahu alaihi wasallam menjawab: “Takwa kepada Allah dan akhlak yang baik”. Dan ketika ditanya tentang kebanyakan perkara yang menyebabkan manusia masuk ke dalam neraka, maka Baginda sallallahu alaihi wasallam menjawab: “Mulut dan kemaluan”.

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bersempena dengan Hari Belia Negara Tahun 2025 pada 15 Mei yang lalu, khatib ingin menyeru kepada semua golongan belia khususnya dan jemaah sekalian, untuk terus menuntut ilmu, memantapkan keimanan dan ketakwaan, mentaati perintah Allah *subhananu wata'ala* dan menjauhi larangan-Nya serta memperbanyak ibadah dan melaksanakan aktiviti kebaikan yang mampu menyumbang kepada agama, masyarakat dan negara. Semoga dengan adanya belia yang beriman dan bertakwa, berilmu pengetahuan, serta berkeperibadian unggul, masa depan negara terus terjamin dan terpelihara dalam kestabilan yang mampan dan kesejahteraan yang holistik. Insya-Allah.

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati kesimpulan dari khutbah hari ini iaitu:

Pertama : Generasi belia merupakan pelapis dan pewaris negara. Gerakkan usaha memantapkan intelektual, emosi dan spiritual mereka sebagai persediaan menjadikan mereka peneraju legasi keamanan, kesejahteraan dan kejayaan negara.

Kedua : Pertingkatkan kefahaman dan penghayatan agama, binalah keluarga yang bahagia dan berilah sokongan kepada usaha-usaha membentuk generasi belia yang unggul.

Ketiga : Sedarkan generasi belia mengenai peranan dan tanggungjawab mereka untuk melaksanakan pelbagai kebaikan yang menyumbang kepada agama, masyarakat dan negara.

Seterusnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Kahfi, ayat 10 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
إِذْ أَوَى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيْئَةً لَنَا
مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا

Maksudnya: (*Ingatkanlah peristiwa*) tatkala sekumpulan pemuda berlindung di dalam gua, lalu mereka berdoa: "Wahai Tuhan kami, berikanlah rahmat kepada kami dari sisi-Mu dan sempurnakanlah bagi kami hidayah petunjuk yang lurus dalam urusan kami (ini)!".

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkuuhkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak. Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ وَآئِيْهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا (٥٦)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya, serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa menganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ . إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ . وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ . يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ . فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ . وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ . وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ . وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ . وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ . أَقِيمُوا الصَّلَاةَ .